

Putar belit fakta sejarah

M-M 02/06/08 M/S 8



Mazlan Nordin
MENULIS

JURANG maklumat dan putar belit fakta berlaku dalam mata pelajaran sejarah di sekolah-sekolah semasa peninjauan dulu. Lalu para pelajar diberitahu: Orang Yunani adalah wira dan orang Parsi adalah bajingan. Dalam perputakaan di sekolah terdapat buku-buku mengenai empayar Rome, tetapi tiada satu mengenai Persepolis.

Demikian juga berlaku dewasa ini melalui sesetengah jurusan media massa akhbar, televisyen dan Internet. Di samping itu terdapat ulasan berat sebelah oleh yang dipanggil "bloggers." Akhirnya persepsi lebih penting dari keadaan sebenar. Demikian berlaku terhadap Iran setelah menjadi Republik Islam pada 1 April 1979.

Maka pada minggu lalu seorang lagi pemimpin Iran mengunjungi Malaysia dan dengan itu menyambung lawatan sebelumnya oleh Presiden Rafsanjani, Presiden Khatami dan Presiden Ahmadinejad. Pelawat tersebut, Dr. Ali Akbar Velayati telah menjadi Menteri Luar selama 16 tahun dan kini menjadi penasihat kepada pemimpin utama Iran,

Ayatollah Ali Khamenei.

Dalam satu ucapan kemudiannya beliau berbicara atas tajuk *Mencari Kedamaian di Timur Tengah: Dari Perspektif Iran*. Seperti diketahui pertelingkahan muncul bersabit rancangan nuklearnya dan pihak lawan menuduh Iran sedang berusaha secara sulit untuk mengadakan senjata nuklear.

Secara kebetulan pada minggu lalu juga bekas Presiden Carter menyebut mengenai Israel mempunyai kira-kira 150 bom nuklear di samping Amerika dan Rusia memiliki lebih 10,000 senjata nuklear. Lain-lain negara yang punya senjata nuklear: Britain, Perancis, India, Pakistan, China.

Kehilangan

Pada hakikatnya kelahiran Republik Islam di Iran berarti Amerika telah kehilangan rakan sekutu yang penting di Timur Tengah. Pelbagai persoalan diajukan manakala Iraq semasa pimpinan Presiden Saddam Hussein menyerang Iran dan perang berlarutan selama lapan tahun hingga 1988.

Bagi warga Malaysia yang kesempatan mengunjungi Iran salah satu bandar terpenting ialah Isfahan. Antara lain ialah kerana Isfahan telah diisytiharkan sebagai "twin city" Kuala Lumpur. Pertanyaan: Apa berlaku berikutnya langkah tersebut? Satu rombongan yang diketuai oleh Datuk Bandar Iran, Hamid Reza

Azimien telah pun melawat Kuala Lumpur. Dari Kuala Lumpur pula?

Isfahan yang lahir pada abad keempat bukan saja terkenal kerana pelbagai masjidnya yang indah tetapi juga kerana industri-industri besi waja dan penapis minyak, umpamanya, kompleks kilang-kilang besi waja yang mempunyai kira-kira 30,000 pekerja. Ia dibina semasa dulu oleh para jurutera Kesatuan Soviet dan diperbaharui oleh para jurutera Jepun selepas Revolusi Iran.

Antara tempat penginapan yang terpilih ialah Hotel Kowsar. Nama diambil dari surah Al-Kowsar. Adakalanya pelawat dibawa selepas solat maghrib ke tanah perkuburan yang diberi nama "Taman Bunga Pengorbanan Syahid." Kerana, dikebumikan di situ ialah beribu perajurit Iran yang mati dalam perang selama lapan tahun dengan Iraq dan yang menjadi pejuang revolusi, terhadap pemerintahan Shah Iran. Lampu-lampu seperti di jalan raya dipasang dan kelihatan saudara mara menyiram air dan membaca ayat-ayat suci.

Pada batu-batu nisan terdapat gambar-gambar yang mati di medan perang. Suasana sunyi sepi, ketenangan dan kesentosaan menyelubungi segalanya.

Peminat suka pula dapat menyaksikan pertandingan gusti ala-Iran. Turut sama beberapa orang berumur 60 tahun lebih bersenam dengan kayu belantan selama dua jam sambil diiringi juruhebah yang memukul gendang dan juga melafaz se-

lawat nabi.

Bagi para peminat sastera pula termasuk di kalangan dunia Barat ialah puisi oleh Omar Khayyam. Antara yang sering disebut ialah puisi "mari minum wine dan seterusnya bergembira." Tetapi bagi warga Iran sendiri yang diminati ialah puisi oleh Firdousi yang telah menulis 60,000 rangkap puisi selama 30 tahun, berjudul *Shah Nameh*. Antaranya ialah yang berbunyi:

"Jika dunia mendedah segalanya permulaan dan akhirnya pasti menunjukkan raja-raja di suatu pihak dan darah para hulubalang di sampingnya demikian dunia yang fana ini."

Pada beberapa waktu lampau berlaku gerakan oleh Parti Tudeh yang komunis di Iran tetapi ia tidak berjaya mendapat sokongan rakyat. Dicatat kemudiannya ialah sikap Imam Khomeini menolak faham komunis sebagaimana ia menentang penjajahan. Beliau meninggal dunia pada 3 Jun 1989. Dipilih penggantikannya ialah Ayatollah Ali Khamenei. Roda sejarah terus berputar. Iran antara negara Islam yang menewaskan ideologi binaan manusia.

● **PENULIS** ialah konsultanan **ISIS Malaysia**. Pandangan penulis adalah pendapat peribadi dan tidak ada kena-mengena dengan **ISIS**.